

Review

Meningkatkan Efikasi Kendiri Guru di Malaysia Terhadap Kecenderungan Pembelajaran Generasi Z dan Alpha

Nor Asmawati Ismail^{1*}, Najihah Abd Wahid², dan Norsuhada Mat Hasan³

1 Affiliation ²; anajihah@unisza.edu.my

2 Affiliation ³; gb170047@siswa.uthm.edu.my

* Correspondence: asmawati730122@gmail.com

Received: 1st January 2019; Accepted: 10th January 2019; Published: 28th February 2019

Abstrak: Pendidikan di Malaysia pada hari ini memerlukan guru yang berefikasi tinggi bagi memenuhi kehendak pendidikan abad ke-21. Salah satu dimensi penting dalam efikasi kendiri guru ialah strategi pengajaran. Guru-guru perlu menguasai teknik dan strategi pengajaran terkini memandangkan murid-murid generasi Z dan alpha mempunyai kecenderungan pembelajaran yang berbeza berbanding generasi X dan Y. Namun pengajaran berasaskan telekomunikasi semasa masih terhad dan tidak sepenuhnya diaplikasi dalam proses pengajaran. Justeru, kertas kerja ini bertujuan menganalisis bentuk-bentuk kecenderungan pelajar generasi Z terhadap proses pembelajaran dan strategi-strategi terkini yang boleh diaplikasi oleh guru-guru. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan sebagai metodologi kajian. Dapatan menunjukkan bahawa kecenderungan pelajar generasi Z dan alpha terhadap pembelajaran melalui kaedah gamifikasi dan penggunaan alat telekomunikasi moden lebih menarik minat murid berbanding pembelajaran menggunakan kaedah tradisional. Kertas kerja ini mencadangkan guru-guru di Malaysia dapat melakukan anjakan paradigma dalam proses penyampaian ilmu kepada generasi Z dan alpha agar selari dengan arus pendidikan revolusi 4.0.

Keywords: Efikasi Kendiri Guru; Kecenderungan Pembelajaran, Generasi Z dan Alpha

About the Authors

Nor Asmawati binti Ismail adalah seorang guru KPM yang telah berkhidmat selama 24 tahun dalam bidang Pendidikan Islam, khususnya mengajar subjek Pendidikan Islam kepada murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Guru Cemerlang (Pendidikan Khas) ini mempunyai pengalaman luas dalam bidang inovasi Pendidikan Islam-Pendidikan Khas. Beliau adalah penerima CBBPTB (2017-2020) untuk menyambung pengajian peringkat PhD di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA, Terengganu di bawah penyeliaan Dr. Najihah Abd. Wahid. Sementara rakannya

Public Interest Statement

Guru yang mempunyai tahap efikasi kendiri tinggi mampu menarik para pelajar agar terlibat dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan. Ia secara langsung akan meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru. Efikasi kendiri guru terdiri daripada tiga dimensi iaitu penglibatan pelajar, strategi pengajaran dan pengurusan bilik darjah. Ketiga-tiga dimensi ini harus bergerak seiring dan perlu ada dalam jiwa seseorang guru kerana ia akan dapat meningkatkan pencapaian pelajar, lebih-lebih lagi para pelajar hari ini memerlukan kepelbagaian strategi agar

adalah penerima CBBPTB (2017-2019) menyambung pengajian peringkat MA di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM, Johor dalam bidang Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan. Islam negeri Selangor dan Kebangsaan.

dapat menarik minat mereka untuk menumpukan perhatian ketika berada di dalam kelas. Justeru, guru-guru sewajarnya yakin dan percaya bahawa mereka perlu mengajar dengan baik sehingga matlamat pengajaran dapat dicapai.


1. Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ketika memperkenalkan Standard Guru Malaysia berharap agar dapat melahirkan guru-guru yang berkualiti dan komited dalam profesyen perguruan. Salah satu cara untuk merealisasikan hasrat KPM ke arah melahirkan guru-guru yang berkualiti adalah melalui peningkatan efikasi sendiri. Menurut Bandura (1986) efikasi sendiri adalah kepercayaan dan keyakinan seseorang terhadap kebolehan dirinya mencapai sesuatu matlamat yang dituju. Kepercayaan terhadap efikasi sendiri menentukan perasaan, pemikiran, tingkah laku dan motivasi seseorang.

2. Efikasi Kendiri Guru

Menerusi model konseptual efikasi sendiri guru, Tschannen-Moran et al., (1998) mengemukakan dua unsur penting berkaitan pengajaran guru iaitu analisis tugas mengajar dan penilaian kecekapan pengajaran. Keperluan dua unsur tersebut adalah berdasarkan fakta bahawa efikasi sendiri guru adalah bersifat khusus mengikut konteks. Tschannen-Moran et al., (1998) mengemukakan model yang sesuai untuk mengukur efikasi sendiri guru, dengan mengambil kira kedua-dua unsur penting yang berkaitan secara langsung dengan tugas hakiki seseorang guru, iaitu analisis tugas pengajaran dan penilaian kecekapan pengajaran, selain empat sumber maklumat efikasi yang terdiri daripada penyempurnaan pencapaian, pujukan atau dorongan lisan, pengalaman secara langsung atau pemerhatian dan kesan fisiologi.

Rajah 1. Model Efikasi Kendiri Guru



Sumber: Tschannen-Moran, Hoy & Hoy (1998)

Model ini menunjukkan efikasi sendiri guru yang terdiri daripada elemen strategi pengajaran, penglibatan murid dan pengurusan kelas ketika guru mengajar akan mempengaruhi pencapaian pelajar. Ross (1994) merumuskan efikasi guru memberi beberapa implikasi terhadap pencapaian murid. Pertama, guru berefikasi tinggi sentiasa berusaha untuk merancang dan melaksanakan kaedah pengajaran yang baharu, khususnya teknik pengajaran yang mencabar. Kedua, guru yang berefikasi tinggi cenderung menggunakan pelbagai pendekatan pengurusan kelas yang boleh merangsang kawalan autonomi dan memberi peluang kepada murid agar terlibat dengan tugas pembelajaran. Perkara ini akan menyumbang kepada peningkatan pencapaian murid (Woolfolk, Rosoff & Hoy, 1990).

Ketiga, guru yang mempunyai efikasi sendiri tinggi kurang mengabaikan keperluan murid yang berpencapaian rendah. Ross (1994) turut menyatakan bahawa guru yang berefikasi tinggi melihat kegagalan murid sebagai cabaran dan cabaran ini akan membuatkan seseorang guru gigih berusaha dalam pengajarannya agar murid-murid beroleh kejayaan. Usaha ini dilakukan kerana kepercayaan dan keyakinan guru yang tinggi bahawa guru mampu dan bersedia melakukan perubahan dalam pengajarannya sehingga mendapat hasil yang dijangkakan (outcome).

Kajian Ross (1994) ini selaras dengan dapatan Ashton et al., (1983) yang menunjukkan guru berefikasi rendah cenderung memberi tumpuan terhadap kumpulan murid berpencapaian tinggi, dan kurang memberi perhatian kepada murid berpencapaian rendah kerana beranggapan murid tersebut kerap menimbulkan gangguan. Ini akan membawa kepada perubahan tingkah laku tertentu dan akan mempengaruhi tanggapan murid terhadap pencapaian akademik mereka.

Terdapat tiga faktor yang dikemukakan oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001) bagi mewakili efikasi sendiri guru iaitu efikasi terhadap strategi pengajaran, efikasi terhadap pengurusan bilik darjah dan efikasi terhadap penglibatan pelajar. Namun artikel ini akan memfokuskan efikasi sendiri guru terhadap strategi pengajaran iaitu merujuk kepada cara guru mengendalikan dan mengawal proses pengajaran. Ia berkaitan kebolehan guru untuk menggunakan strategi pengajaran ketika berhadapan dengan pelajar yang berbeza pencapaian serta penerimaan. Efikasi sendiri guru dalam dimensi ini juga menerangkan tahap keyakinan guru ketika berhadapan dengan pelbagai aras soalan yang dikemukakan oleh pelajar.

Strategi pengajaran ini menjadi cabaran kepada guru-guru kerana murid-murid yang berada di alam persekolahan sekarang terdiri daripada generasi z dan alpha. Mereka yang dibesarkan dalam era teknologi ini lebih cenderung menggunakan peralatan telekomunikasi moden sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pemudah cara.

3. Mengenal Generasi Z dan Alpha

Mengikut Graeme Codrington dan Sue Grant-Marshall (2013) terdapat lima generasi yang mendominasi dunia hari ini iaitu generasi baby boomers, generasi X, generasi Y, generasi Z dan generasi alpha. Generasi baby boomers lahir pada tahun 1946 hingga 1964, berumur antara 54 hingga 72 tahun (Lyons, S. T., Schweitzer, L., & Ng, E.S., 2015). Maksudnya, golongan pendidik yang berada dalam ruang lingkup ini telah pencen dari perkhidmatan kerana umur persaraan wajib bagi kakitangan awam adalah 60 tahun (Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam, 2011) atau jika masih ada yang masih berkhidmat, mereka hanya perlu menunggu beberapa tahun lagi untuk bersara. Seterusnya generasi X iaitu mereka yang dilahirkan pada tahun 1965 hingga tahun 1980, berumur antara 38 hingga 53 tahun. Jika diandaikan kepada seorang guru, generasi ini telah berada dalam perkhidmatan sekitar 15 hingga 30 tahun, satu tempoh matang bagi seseorang guru dalam menyampaikan ilmu kepada murid-murid. Generasi Y adalah mereka yang lahir pada tahun 1981 hingga 1994, iaitu mereka yang berumur antara 24 hingga 37 tahun. Generasi ini sudah mula mengenal dan mengaplikasi alat-alat teknologi dalam pendidikan secara lebih meluas.

Generasi Z pula lahir pada tahun 1995 hingga tahun 2010, dikenali sebagai i-Generation, Generasi Net atau Generasi Internet. Secara logiknya mereka dilahirkan oleh Generasi X dan Y. Rothman, D (2016) mendapati generasi Z adalah generasi yang berlebihan menggunakan teknologi namun kurang kemahiran komunikasi. Mereka adalah “multi-tasking” dan bergerak dengan cepat serta boleh menghasilkan produk dengan lebih banyak berbanding generasi lain (Mohd Sharil, Nur Nazuha, dan Nik Sulaiman, 2017).

Generasi yang mula mengenali gadget dan pelbagai alat telekomunikasi sejak dari awal kanak-kanak adalah generasi alpha. Generasi alpha sekarang berumur 8 tahun ke bawah, dilahirkan pada tahun 2011 hingga tahun 2025. Generasi ini hidup dalam dunia alam maya, sehinggakan sejak mereka seawal usia setahun lagi sudah mula menunjukkan minat dalam bidang telekomunikasi moden.

Hal ini menjadi cabaran kepada guru-guru kerana generasi alpha bakal mewarnai dunia pendidikan dengan satu anjakan paradigma yang sofistikated. Justeru guru-guru perlu mempersiapkan diri menuju perubahan yang pro-aktif ke arah menangani kehendak pasaran semasa dalam dunia pendidikan khususnya dalam aspek strategi pengajaran dan pemudah cara. Kepakaran guru-guru dalam bidang ICT membolehkan proses pemindahan ilmu dapat ditransformasikan dengan lebih bijak dan efektif (Nor Asmawati dan Najihah, 2017). Ini sejajar dengan kajian oleh Rafiza dan Maryam (2017) mendapati media pengajaran berasaskan multimedia mampu menghasilkan pembelajaran yang berkesan.

4. Strategi Pengajaran Guru dan Bentuk Kecenderungan Pembelajaran Generasi Z dan Alpha

Dalam era globalisasi hari ini, guru-guru perlu membuat introspeksi diri berkenaan kemahiran dan kepakarannya dalam bidang teknologi maklumat. Ini kerana seseorang guru yang bekerja pada zaman digital perlu berhadapan dengan murid-murid generasi Z dan Alpha yang nampaknya begitu mahir dan berminat dengan kepelbagaian fungsi gadget dan peralatan telekomunikasi semasa (Shatto & Erwin, 2016).

Terdapat pelbagai strategi pembelajaran dan pemudah cara yang boleh diaplikasikan oleh guru-guru ketika berhadapan dengan para pelajar generasi Z dan Alpha. Antaranya kaedah heutagogy, paragogy dan cybergogy. Heutagogy memerlukan pemikiran yang kreatif dan inovatif bagi guru dan

murid ketika menjalani proses pembelajaran dan pengajaran. Ia menerapkan pendekatan holistik (Blaschke dan Hase, 2016) untuk membangunkan kemampuan dan kebolehan pelajar. Pelajar mempunyai autonomi dan menjadi agen utama dalam pembelajaran mereka sendiri.

Kaedah gamification juga dikatakan mampu menarik generasi Z dan alpha untuk terus menumpukan perhatian ketika proses menyampaikan dan menerima maklumat (Ding, Guan, dan Yu, 2017). Kajian Siti Norhaida (2017) pula mendapati kaedah gamifikasi telah meningkatkan pencapaian skor pelajar dalam Ungkapan Algebra. Dicheva, Dichev, Agre, dan Angelova (2015) dalam kajiannya mendapati pelajar berasa bosan sekiranya guru menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sebaliknya mereka lebih berminat sekiranya guru menggunakan kaedah gamification. Kaedah ini bukan sahaja mengukuhkan pengetahuan, malah mereka juga dapat belajar kemahiran-kemahiran lain seperti penyelesaian masalah, bekerjasama dan komunikasi.

Justeru, guru hari ini perlu lebih peka dengan kecenderungan generasi Z dan Alpha dalam dunia pendidikan. Pengajaran tidak hanya terhad secara bersemuka malah ia boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Pembelajaran secara on-line learning boleh dilaksanakan oleh guru terutama ketika guru berada di luar kawasan sekolah ketika menjalankan urusan rasmi. On-line learning membolehkan guru dan murid bersemuka secara maya dengan menggunakan aplikasi "skype", "face-time", "hang out" atau "whatsapp video call" (Nor Asmawati dan Najihah, 2017).


Generasi ini juga kurang suka bersosial secara bersemuka sebaliknya gemar bersosial secara maya. Kajian yang dijalankan oleh Syed Lamsah (2017) mendapati "whatsapp" adalah aplikasi yang paling kerap digunakan oleh pelajar universiti. Justeru, para pensyarah dan guru-guru boleh menjadikan "whatsapp" sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat kepada para pelajar terutama berkaitan pembelajaran. Selain daripada itu, teknik gamifikasi boleh dipraktikkan oleh guru-guru ketika menjalankan proses pengajaran kepada murid-murid yang terdiri daripada generasi Z dan Alpha ini.

5. Cabaran Guru Dalam Proses Pendidikan


Kejayaan dan kegagalan murid seringkali dikaitkan dengan kejayaan dan kegagalan guru dalam menyampaikan ilmu kepada murid-murid. Walaupun pada hakikatnya proses pendidikan bukan sahaja berlaku di sekolah, namun masyarakat terus meletakkan harapan yang tinggi kepada guru untuk melahirkan generasi berilmu dan berakhlak.

Rajah 2 menunjukkan jumlah murid pra sekolah adalah seramai 203,690 orang, manakala bilangan guru pula seramai 9,191 orang. Bilangan murid dan guru sekolah rendah pula masing-masing berjumlah 2,693,318 dan 240,101 orang, serta sekolah menengah (murid=2,099,033; guru=183,153). Statistik ini menunjukkan bahawa nisbah bagi seorang guru pra sekolah dan murid ialah 1:22, manakala sekolah rendah dan menengah masing-masing mempunyai nisbah yang hampir sama iaitu 1:11.

Rajah 2. Enrolmen murid pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah (2018)



Rajah 3. Bilangan guru di pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah (2018)



Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2018).

Nota: Data hanya merangkumi sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia

* Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK)

** Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM)

Paparan jadual 1 juga menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan murid-murid adalah seramai 5,074,612 orang. Enrolmen yang besar ini menjadi cabaran kepada guru-guru di Malaysia kerana murid-murid yang berada di peringkat pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah hari ini adalah generasi Z dan alpha, yang mana mereka adalah generasi yang hidup dalam ledakan teknologi maklumat. Sudah pastinya mereka lebih cenderung dan berminat untuk mengaplikasi pelbagai peralatan canggih dalam kehidupan seharian termasuklah ketika proses pembelajaran. Maka disinilah pentingnya efikasi seseorang guru, kerana guru yang berefikasi tinggi akan menjadikan masalah yang dihadapi sebagai cabaran dan berusaha untuk mengatasi cabaran tersebut, sedangkan guru yang berefikasi rendah akan menjadikan masalah sebagai halangan untuk mencapai kejayaan.

6. Rumusan

Guru-guru pada hari ini terpaksa berhadapan dengan cabaran teknologi dan pelbagai telekomunikasi moden. Justeru satu anjakan paradigma perlu dilakukan oleh guru-guru dalam proses mendidik dan mentarbiah generasi Z dan alpha. Walau bagaimanapun, guru yang berefikasi tinggi sentiasa bersedia mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu bukan sahaja ilmu berkaitan kurikulum dan pedagogi, bahkan ilmu-ilmu yang berkaitan pengaplikasian teknologi maklumat sesuai dengan tuntutan

semasa. Mereka sepatutnya mahir mengoptimumkan pelbagai aplikasi daripada laman sesawang sebagai salah satu strategi yang digunakan ketika proses pembelajaran dan pemudah cara. Melalui cara ini murid tidak akan ketinggalan dalam arus pendidikan 4.0 dan kehendak pendidikan abad ke-21.

9. Rujukan

- Ashton, P.T., Webb, R.B., & Doda, N. (1983). A Study of Teachers' Sense of Efficacy. (Final Report to the National Institute of Education, Executive Summary). Gainesville: University Of Florida.
- Bandura, A. (1986). Social foundations of thought and action : a social cognitive theory / Albert Bandura. Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jersey 07632
- Blaschke, L. M., & Hase, S. (2016). Heutagogy: a holistic framework for creating twenty-first-century self-determined learners. In *The future of ubiquitous learning* (pp. 25-40). Springer, Berlin, Heidelberg.
- Dicheva, D., Dichev, C., Agre, G., & Angelova, G. (2015).
- Gamification in education: A systematic mapping study. *Journal of Educational Technology & Society*, 18(3).
- Ding, D., Guan, C., & Yu, Y. (2017). Game-Based learning in tertiary education: A new learning experience for the Generation Z. *International Journal of Information and Education Technology*, 7(2), 148.
- Graeme Codrington and Sue Grant-Marshall. (2013). *Mind The Gap: Own Your Past Know Your Generation Choose Your Future*. Penguin South Africa; 2nd Ed edition.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2011). *Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2011*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Quick Facts. https://moe.gov.my/images/Terbitan/Buku-informasi/QUICK-FACTS-2017/20170809_QUICK-FACTS_2017_FINAL5_interactive.pdf
- Lyons S. T., Schweitzer L., Ng. E., S., W. (2015). "How have careers changed? An investigation of changing career patterns across four generations", *Journal of Managerial Psychology*, Vol. 30 Issue: 1, pp.8-21
- Mohd Sharil Mat Salleh, Nur Nazuha Mahbob dan Nik Sulaiman Baharudin. (2017). Overview of 'Generation Z' Behavioural Characteristic and its Effect towards Hostel Facility. *International Journal of Real Estate Studies*, Volume 11 Number 2.
- Nor Asmawati Ismail & Najihah Abd Wahid. (2017). Empowering the Self-Efficacy of Teacher in Malaysia through the Academic Revolution 4.0. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i11/4946>
- Rafiza Abdul Razak & Maryam Abdul Rahman. (2017). Pembinaan media pengajaran berasaskan multimedia di kalangan guru ICTL. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(2), 20-31.
- Ross, J.A. (1994). Beliefs That Make A Difference: The Origins And Impacts Of Teacher Efficacy. Paper Presented At The An
- Rothman, D. (2016). A Tsunami of learners called Generation Z. URL:http://www.Mdle.Net/JoumaFA_Tsunami_of_Learners_Called_Generation_Z.pdf.
- Shatto, B., & Erwin, K. (2016). Moving on From Millennials: Preparing for Generation Z. *The Journal of Continuing Education in Nursing*. 47(6):253-254

- Siti Norhaida Abdul Rahman. (2017). Pendekatan gamifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap murid tingkatan dua bagi topik ungkapan algebra. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Syed Lamsah Syed Chear. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 42(2) (2017): 87-97 doi: <http://dx.doi.org/10.17576/jpen-2017-42.02-02>
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A. W., & Hoy, W. K. (1998). Teacher Efficacy: Its Meaning and Measure. *Review of Educational Research*. Vol. 68:p202-248.
- Tschannen-Moran, M., & Hoy, A. W. (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and teacher education*, 17(7), 783-805. [https://doi.org/10.1016/S0742-051X\(01\)00036-1](https://doi.org/10.1016/S0742-051X(01)00036-1)
- Woolfolk, A.E., Rosoff, B., & Hoy, W.K. (1990). Teachers' Sense Of Efficacy And Beliefs About Managing Students. *Teaching & Teacher Education*. Vol. 6: p137-148.